

TARIKH	14 / 01 / 2016	SEKSYEN	VARSI TI KEUSAHAWANAN
MUKA SURAT	V6	RUANGAN	



Jelajah Varsiti TH lahir ramai usahawan

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

■ Bangi

Program Jelajah Varsiti Tabung Haji-BH yang bertujuan membentuk usahawan intelek Islam, berakhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, dengan penyertaan lebih 150 pelajar institusi pendidikan tinggi.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Perusahaan Kecil Sederhana (CESMED) UKM, Prof Madya Datin Dr ShamsHubaridah Ramlee, berkata pelaksanaan program itu diharap menjadi permulaan kepada lebih banyak kerjasama dengan Tabung Haji (TH) untuk mengupayakan pelajar menghadapi cabaran keusahawanan.

Katanya, pelajar boleh menimba pengalaman dan pengetahuan berkaitan dengan memberikan perkhidmatan pelbagai operasi perniagaan TH khususnya dalam membantu melancarkan perkhidmatan pengurusan ibadat umrah dan haji.

"Saya menganggap pelaksanaan program ini sebagai pembuka tirai bagi menghasilkan lebih ramai usahawan CESMED dalam pelbagai bidang perkhidmatan berkaitan contohnya pengurusan ibadat umrah serta pem-

bekalan makanan untuk jemaah.

Wakil industri

"Pelaksanaan program keusahawanan dengan kerjasama wakil industri seumpama ini memberi ruang lebih luas bagi pelajar meneroka pengetahuan keusahawanan," katanya.

Yang turut hadir ialah Penolong Pengarah Berita Pendidikan BH, Khairina Yasin dan Eksekutif Khidmat Pelanggan TH, Natrah Ismail.

Perkongsian pengalaman tokoh usahawan antara fokus utama program sehari itu bagi menyuntik minat dan semangat pelajar dalam bidang keusahawanan menerusi ceramah bertajuk Rasulullah sebagai model perniagaan Islam oleh ahli perniagaan, Pawan Chik Hussein.

Wakil agensi dan persatuan perniagaan turut men-

jayakan program dengan berkongsi panduan membangunkan perniagaan termasuk berkaitan resipi kejayaan jutawan internet oleh Persatuan Usahawan Internet Malaysia, faktor pemilihan perniagaan dan penentuan kejayaan serta merangka pelan perniagaan oleh Majlis Amanah Rakyat serta topik pinjaman perniagaan dan penyediaan kertas kerja oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Sementara itu, graduan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Sumber Manusia) UKM, Nor Aiminatul Aha Azizan, 26, berkata beliau menyertai program itu bagi mendapatkan idea untuk mengembangkan perniagaan pakaian diusahakan.

Promosi perniagaan


Beliau yang juga pembaca setia BH, berkata program yang dijalankan dengan kerjasama akhbar itu memberi peluang beliau mengetahui peluang mempromosi



Suasana sekitar sesi pendaftaran peserta.



Peserta tekun mendengar perkongsian maklumat diberikan wakil industri dan usahawan jemputan.



Pawan berkongsi panduan dan pengalamannya sebagai usahawan kepada peserta.



PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN DENGAN KERJASAMA WAKIL INDUSTRI SEUMPAMA INI MEMBERI RUANG LEBIH LUAS BAGI PELAJAR MENEROKA PENGETAHUAN KEUSAHAWANAN"

Prof ShamsHubaridah Ramlee, Pengarah Pusat CESMED UKM,

perniagaannya menerusi pengiklanan media.

"Walaupun sudah tamat pengajian dan mengusahakan perniagaan kaftan secara dalam talian dan membuka kedai sendiri, saya masih tetap berhubung dengan CESMED bagi menyertai program pembangunan keusahawanan seumpama ini," katanya.

Pelajar Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) UKM, Siti Aishah Ismail, 20, pula berkata beliau mahu meningkatkan motivasi untuk mengusahakan perniagaan de-

ngan lebih fokus serta mendapatkan pengetahuan mengenai peluang perniagaan berkaitan bidang pendidikan.

"Saya sudah memulakan perniagaan juadah manis secara sampingan dan kini sedang mencari-cari perniagaan berkaitan pendidikan boleh ditawarkan kepada orang ramai selain tuisyen kerana menjadi minat utama saya," katanya.